

3 Bulan di Tanah Suci

Makkah al-Mukarramah

(3)

Tulisan ini, yang disajikan dengan berturut-turut dalam majalah Qalam, menggambarkan pemandangan saya selamat tiga bulan di Tanah Suci Makkah al-Mukarramah, meliputi Jeddah dan Madinah al-Munawwarah.

Beberapa perkara mengenai kapal (Kuala Lumpur) dan peristiwa-peristiwa yang berlaku di dalamnya sepanjang-panjang pelayaran – pergi dan balik itu, tidak juga ketinggalan.

(Oleh: Abdullah Basmeh)

Di Port Swettenham dan Pulau Pinang orang-orang haji yang naik dari pelabuhan Port Swettenham tidaklah ramai seperti di Singapura. Yang naik hanya kira-kira 250 orang. Agaknya kerana sekatan-sekatan di sini terlampau ketat maka kebanyakan orang suka naik dari Singapura atau dari Pulau Pinang, kerana lebih bebas dan luas bagi saudara mara yang menghantar atau yang menyambut.

Kadaan itu harus akan berubah apabila pelabuhan Port Swettenham yang baharu, siap dibina dalam kawasan yang luas dan sesuai dengan manusia yang beribu-ribu, yang datang bertumpu ke situ pada tiap-tiap kali kapal haji singgah mengambil atau menurunkan orang-orang haji.

Pada petangnya kapal (Kuala Lumpur) meninggalkan Kuala Klang dalam suasana perpisahan yang sedih sayu lalu

menuju ke Pulau Pinang. Setelah belayar sejauh 178 batu, sampailah pada Subuh esoknya di Pulau Pinang, pelabuhan yang indah dan hampir-hampir menyamai Singapura.

Di sini orang-orang haji dibenarkan turun ke darat – tidak disekat seperti di pelabuhan Port Swettenham. Masing-masing pun berduyun-duyun turun ke bandar memasukkan surat di pejabat pos dan pergi bersiar-siar dan berjumpa dengan sahabat kenalan. Oleh kerana masa terhad dan kami dikehendaki berada semula di kapal pada pukul 12 tengah hari, saya hanya sempat singgah di Kedai Kitab al-Ruwaī¹, berjumpa dengan sahabat saya Haji Yusuf al-Rawi, dan saya beruntung kerana dapat berjumpa di situ Encik Zainal Abidin bin Ali, bekas pengetua Maktab Perguruan Bahasa Pantai Valley – Kuala Lumpur. Saya mula berkenal dengan beliau dalam Kongres Bahasa yang

¹ Perkataan sebenar ialah al-Rāwī

Ketiga di Singapura yang telah berlangsung dalam tahun 1956 (beliau juga telah naik haji pada tahun yang lalu dan kami berjumpa sekali lagi di ((Mina)) pada hari raya haji).

Di Pulau Pinang juga saya dapat berjumpa dengan sahabat lama saya wartawan Ibrahim Mahmud. Beliau pernah bekerja di Utusan Melayu, Warta Malaya dan yang lama sekali menjadi pengarang akhbar ((Suara UMNO)).

Tepat pukul 12, masing-masing balik ke kapal dan naik bersama-sama dengan jemaah haji dari Pulau Pinang dan daerah utara Tanah Melayu yang seramai kira-kira 850 orang.

Pada petangnya, 27 Sha'abān 1381, (3 Februari 1962), bertolak kapal ((Kuala Lumpur)) membawa jemaah

haji kira-kira 1,850 orang menuju ke Tanah Suci dengan penuh khusyuk dan mengharapkan rahmat Allah '*Azza wa Jalla* supaya pelayaran kami pergi dan balik selamat sentosa.

Selat Melaka telah dilalui dan sekarang kapal ((Kuala Lumpur)) merempuh lautan Hindi dalam pelayaran sejauh 4,399 batu dari Singapura ke Jeddah.

Kedaaan Kapal Kuala Lumpur

Kapal ini lebih bersih dan rehat dari kapal ((Serombong Biru)) yang pernah saya tumpangi dari Jeddah ke Singapura pada 35 tahun yang lalu, atau lebih tepat pada tahun 1927 (pada tahun inilah saya dan Allahyarham Tuan Haji Abdul Rahim Kajai, wartawan



Peta menunjukkan Tanah Suci Mekah al-Mukarramah terletak di tengah-tengah dunia (dalam lingkaran yang bulat) sebagai pusat bagi alam buana ini. Di situlah letaknya *Bayt Allāh – al-Ka'abah al-Mu'azzamah* – yang menjadi kiblat umat Islam. Pada tiap-tiap tahun, beribu-ribu kaum muslimin dari keempat-empat penjuru dunia, mencurah-curah ke Tanah Suci untuk menunaikan

fardu haji dan menziarahi makam Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* di Madinah Al-Munawwarah.

Melayu yang masyhur, turun ke Tanah Melayu. ((Kajai)) yang telah lama menaun di Mekah, setahun dua kemudian dia telah masuk bekerja menjadi Pembantu Pengarang akhbar ((Saudara)) yang dipimpin oleh Allahyarham Syed Syeikh al-Hadi, manakala saya pula dibawa oleh orang tua saya Syeikh Muhammad bin Saleh Basmeh, yang bermastautin di Melaka, masuk belajar di Sekolah Melayu Pengkalan Balak – Melaka. Umur saya masa itu ialah 11 tahun).

Kapal Kuala Lumpur juga lebih rehat dari kapal Anshun dan kapal-kapal yang lain, yang pernah membawa orang-orang haji pada masa yang lalu, meskipun syarikat tuan punya kapal-kapal yang tersebut ialah syarikat British ((*The China Navigation Company Limited*)) itu juga.

Ini tidak bermakna bahawa segala-galanya di kapal ((Kuala Lumpur)) itu memuaskan hati. Masih ada kekurangannya terutama layanan yang diberikan kepada penumpang Kelas Tiga, padahal penumpang Kelas Tiga ialah yang ramai sekali.

Berdasarkan pengalaman saya (kerana saya penumpang Kelas Tiga juga), masakan makan kerap kali tidak dapat diterima oleh selera dan banyaklah rezeki yang terbuang dengan sia-sia. Air tawar disekat-sekat sehingga terpaksa mencuci muka pada pagi-pagi buta dengan air masin. Tempat mengambil air sembahyang di masjid sepanjang masa hanya disediakan air masin. Apalagi mandi manda selalu air masin. Air tawar yang dijanjikan akan dibuka selama satu jam pada tiap-tiap pagi, tengah hari dan petang, hanya dibuka kira-kira 10 atau 15 minit lalu ditutup. Kejadian ini menyebabkan sebahagian besar jemaah haji yang berderet-deret menunggu, balik hampa dan terpaksa mengambil air masin.

Penumpang kelas tiga bertempat di petak-petak kapal yang berlapis-lapis: lapis satu, lapis dua dan akhirnya lapisan ((*asfalu al-sāfilīn*)). Semuanya ini tidak

mendapat udara cukup, kadang-kadang kami hampir lemas dan berkejaran naik ke atas menyedut udara sambil mengucap ((*Subhāna man yuhyi al- 'tẓāma wahiya ramīm*)) (Maha suci Allah yang menghidupkan tubuh yang telah reput).

Pihak kapal boleh dipuji tentang membentuk satu jawatankuasa pada tiap-tiap pelayaran pergi dan balik, yang mewakili jemaah haji dari kelas masing-masing untuk disampaikan kepadanya apa-apa kekurangan yang didapati. Tetapi sayang! Nampaknya perkara yang tidak memuaskan ini masih berjalan walaupun kami telah membawa beberapa kali dalam mesyuarat yang dihadiri oleh pembantu kapten (Inggeris), dan Pegawai Kebajikan Melayu.

Perkara ini seyogianya disiasat oleh ((Lembaga Haji)) yang berpusat di Kuala Lumpur dan bertindak memperbaikinya demi kepentingan saudara-saudara kita – penumpang kelas tiga – yang beribu-ribu itu.

Penumpang-penumpang Kelas Satu dan Kelas Dua, tak ada apa yang disungutkan kerana layanan serba istimewa. Makanannya, tempat tidurnya (bilik berhawa dingin), airnya (sejuk dan panas), semuanya istimewa belaka padahal tambangnya tidak berapa selisihnya dengan kelas tiga yang serba menyedihkan itu.

Tambang Kelas Tiga (pergi dan balik) \$650 sedang tambang Kelas Dua – yang serba istimewa itu hanya kira-kira \$750 sahaja pergi dan balik!

Tidakkah ini menunjukkan bahawa penumpang-penumpang Kelas Tiga terkecewa dan dikecewakan oleh keadaan yang tidak adil itu?

Sekali lagi (Lembaga Haji) yang berpusat di ibu kota Persekutuan Tanah Melayu, diharap mengambil berat memperbaiki keadaan penumpang-penumpang Kelas Tiga yang tertekan itu.

-bersambung